



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YBRS. ENCIK MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM SEMARAK@MUZIUM PERAK
2024**

13 JULAI 2024 (SABTU)

10.00 PAGI

**MUZIUM PERAK
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI. Terima kasih diucapkan kepada Saudari pengacara majlis.

[Salutasi disediakan secara berasingan]

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah rahmat-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi ini bagi meraikan Program Semarak @ Muzium Perak sempena Pameran Sundang : Seni dan Kuasa.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) khususnya Muzium Perak atas usaha menganjurkan pameran ini dengan jaringan kerjasama diantara Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Al Amin. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) amat menggalakkan muzium-muzium menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta dan NGO dalam usaha menyebarkan informasi seni budaya dan ilmiah secara berkesan kepada masyarakat awam.
3. Program Semarak@Muzium merupakan *signature programme* Jabatan Muzium Malaysia dan salah satu pengisian utama dalam kalendar acara Sambutan Ulang Tahun Ke-150 Bandar Taiping (1874-2024) seiring dengan Tahun Melawat Perak 2024.

4. Program pada kali ini diselarikan dengan tema pameran Sundang: Seni dan Kuasa. Oleh itu, pelbagai pengisian aktiviti menarik telah dirancang seperti pameran, demonstrasi dan jualan produk tradisional, persembahan kebudayaan dan seni pertahanan diri, kayuhan Semarak@Muzium, pertandingan mewarna dan pelbagai lagi.

PAMERAN SUNDANG : SENI DAN KUASA

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya berasa kagum berada di Muzium Pertama di Malaysia yang telah berusia ratusan tahun. Saya juga tertarik dengan penjelasan Datuk Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia berkaitan senjata sundang dan penggunaan di Kepulauan Melayu yang merangkumi Semenanjung Tanah Melayu, Sulawesi dan wilayah Selatan Filipina. Saya yakin penganjuran pameran sundang yang julung kalinya diadakan di Malaysia ini akan menggalakan ramai pelawat dan peminat senjata tradisional dari seluruh Malaysia untuk berkunjung ke Muzium Perak, Taiping.

6. Saya percaya ramai dalam kalangan kita terutama generasi muda tidak mengenai apa itu Sundang. Sundang merupakan senjata tradisional masyarakat Melayu yang mencerminkan kearifan masyarakat tempatan. Keunikan sundang ini bukan pada cirinya sahaja tetapi pada komposisi bilah yang dihasilkan dari pelbagai jenis besi.

7. Saya amat berbangga dengan usaha Jabatan Muzium Malaysia dan pihak Yayasan Al-Amin yang berupaya membangkitkan nostalgia sejarah dan budaya melalui pameran sundang ini dan memberi peluang pada **segenap lapisan masyarakat Malaysia** untuk melihat, menghayati dan menghormati hasil seni budaya masyarakat lain.

PLATFORM MEDIA SOSIAL PROMOSI PAMERAN SUNDANG

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong dan menggalakkan Jabatan Muzium Malaysia melaksanakan program dan aktiviti yang menyatupadukan masyarakat melalui penghayatan sejarah, seni dan budaya. Jabatan Muzium Malaysia boleh menyumbang kepada pembangunan sosial yang berterusan, khususnya dalam mengangkat dan memartabatkan seni budaya dan warisan sejarah sesuatu bangsa Malaysia.

9. Melalui pameran yang berimpak tinggi ini dan penglibatan figura popular seperti Ustaz Amin pengumpul sundang terbanyak di Malaysia atau nama penuh beliau Ustaz Muhamad Bin Abdullah Al - Amin Pengasas Yayasan Al-Amin yang mempunyai ratusan ribu pengikut di media sosial mampu menarik dan lonjakan statistik pelawat ke Muzium Perak. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah pada beliau atas pengiktirafan oleh **Malaysia Book of Records**.

10. Saya ingin menyeru kepada semua pihak samada kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat perkhidmatan penyiaran, masyarakat tempatan dan pihak muzium supaya memanfaatkan sepenuhnya platform media sosial dan juga media siaran untuk terus promosi pameran ini agar ramai rakyat Malaysia dapat melihat dan menghayati pameran sundang yang julung kali diadakan di Malaysia.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Muzium Perak, Jabatan Muzium Malaysia dan Ustaz Muhamad Bin Abdullah Al-Amin serta warga Yayasan Al-Amin yang telah berusaha untuk merealisasikan pameran ini. Saya berharap agar pameran ini akan dapat mencapai objektifnya dan mampu menarik lebih ramai pelawat datang berkunjung ke muzium.
12. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan rasa penuh sukacitanya, merasmikan Semarak @ Muzium Perak 2024 sekaligus merasmikan Pameran Sundang: Seni dan Kuasa.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah